

BAB III

PERTANIAN DAN PEMBAYARAN ZAKAT PERTANIAN

DI SUMATERA UTARA

3.1 Pendahuluan

Sumatera Utara merupakan salah satu wilayah di Indonesia diantara 33 wilayah yang ada dan merupakan wilayah yang keempat terbesar jumlah penduduknya selepas Jawa Barat, Jawa Timur, dan Jawa Tengah. Menurut hasil bancian penduduk pada tahun 2005, penduduk Sumatera Utara berjumlah 12.132 juta orang, pada tahun 2008, jumlah penduduk Sumatera Utara sebesar 13.04 juta orang, manakala jumlah penduduk di wilayah ini pada tahun 2010 adalah 12.98 juta orang.¹

Sumatera Utara mempunyai tanah ladang yang luas dan terkenal kerana luas ladangnya. Hingga saat ini, perladangan merupakan penyumbang ekonomi yang terbesar di Sumatera Utara. Perladangan tersebut diusahakan oleh syarikat swasta, negara dan juga perladangan rakyat. Sebahagian hasil ladang di Sumatera Utara ialah getah, coklat, teh, kelapa sawit, kopi, cengkih, kelapa, kayu manis, dan tembakau. Antara kawasan ladang yang terdapat di Sumatera Utara adalah seperti; Deli Serdang, Langkat, Simalungun, Asahan, Labuhan Batu, Tapanuli Selatan dan Mandailing Natal.²

Begitu juga dengan tanah pertanian Sumatera Utara yang termasuk terluas diantara tanah pertanian yang ada di Indonesia. Luas tanah pertanian di Sumatera Utara adakalanya

¹ Badan Pusat Statistik Sumatera Utara, <http://sumut.bps.go.id/?qw=stasek&ns=03>, 7 Ogos 2012

² Pemerintah Wilayah Sumatera Utara, <http://www.sumutprov.go.id/ongkam.php?me=sel>, 13 Disember 2011

menurun dan meningkat setiap tahun. Pada tahun 2003, luas tanah pertanian Sumatera Utara ialah 825 ribu ekar, 705 ribu ekar pada tahun 2006 dan pada tahun 2009 meningkat kepada 772 ribu ekar.³ Pertanian tersebut diusahakan oleh syarikat swasta, Negara dan pertanian rakyat, dan majoriti tanah pertanian diusahakan oleh rakyat.

Melihat potensi pertanian dan perladangan yang ada di Sumatera Utara, seharusnya zakat pertanian yang dihasilkanpun cukup banyak sehingga dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan mampu menjana pertumbuhan ekonomi masyarakat Sumatera Utara. Akan tetapi isu yang ada adalah zakat pertanian hanya dikenakan kepada pertanian padi sahaja dan tanaman lain tidak diwajibkan zakat. Sehingga petani yang terlibat dengan tanaman lain seperti koko, kelapa sawit, getah, buah-buahan dan lainnya tidak merasa wajib mengeluarkan zakat pertanian. Begitu juga petani menyalurkan zakat pertanian mereka secara langsung kepada mustahik zakat tanpa melalui amil zakat yang ada.

Dalam bab ini penulis akan menghuraikan kedudukan geografi, penduduk Sumatera Utara, jenis – jenis hasil pertanian dan badan amil zakat daerah yang ada di daerah Sumatera Utara.

3.2 Geografis dan Penduduk Sumatera Utara

Berdasarkan kedudukan geografi, wilayah Sumatera Utara terkedudukan diantara 10-40 Lintang Utara dan 980 - 1000 Bujur Timur. Luas wilayah Sumatera Utara mencapai 71.680,68 km² atau 3.72% dari luas wilayah republik Indonesia, dengan kedudukan geografi antara 10 - 40 LU dan 980 - 1000 BT. Wilayah Sumatera Utara memiliki 162

³ Departemen Pertanian Republik Indonesia, <http://www.deptan.go.id/ditjentan/dpi/luaspanen.pdf>, 14 Desember 2011

pulau, yaitu 6 pulau di pantai timur dan 156 pulau di pantai barat. Sempadan wilayah Sumatera Utara meliputi wilayah Nanggroe Aceh Darussalam di sebelah Utara, wilayah Riau dan Sumatera Barat di sebelah selatan, samudera Hindia di sebelah barat, serta Selat Melaka di sebelah timur. Kedudukan geografi wilayah Sumatera Utara berada pada jalur strategik pelayaran antarabangsa Selat Melaka yang dekat dengan Singapura, Malaysia dan Thailand.⁴


Penduduk Sumatera Utara terdiri dari pelbagai macam suku dan agama. Wilayah Sumatera Utara memiliki 7 suku asli dan 5 suku pendatang yang tersebar di seluruh bandar/kabupaten di Sumatera Utara. Agama yang dianut penduduk Sumatera Utara juga berbagai-bagai, tidak kurang dari 5 agama yang ada di Sumatera Utara iaitu Islam, Kristian Protestan, Kristian Katolik, Hindu, Budha dan agama kepercayaan.

Berdasarkan jumlah peratus suku asli penduduk Sumatera Utara sebanyak 7 suku bangsa iaitu meliputi suku Melayu, Karo, Simalungun, Tapanuli/Toba, Mandailing, Nias, Pakpak dan 5 suku bangsa pendatang iaitu Jawa, Minang, Cina, Aceh dan lain-lain (Warganegara asing). (Lihat graf 3.1)

Jumlah peratus penduduk Sumatera Utara berdasarkan agama yang dianut iaitu meliputi agama Islam, Kristian protestan, Kristian katolik, Hindu, Buda dan aliran kepercayaan. (Lihat graf 3.2)


⁴ Dinas Komunikasi dan Informatika Sumatera Utara, <http://diskominfo.sumutprov.go.id>, 14 Desember 2011

Graf 3.1 : Peratus penduduk berdasarkan suku bangsa



Sumber: Badan Pusat Statistik Sumatera Utara

Graf 3.1: Peratus penduduk berdasarkan agama



Sumber: Badan Pusat Statistik Sumatera Utara

Seiring dengan kemajuan perkembangan perluasan wilayah kabupaten/kota di wilayah Sumatera Utara yang begitu pesat, sampai tahun 2008 jumlah kabupaten/kota di wilayah Sumatera Utara telah bertambah jumlahnya menjadi 28 kabupaten/kota yang terdiri dari 21 kabupaten dan 7 kota, 383 kecamatan, 5736 desa kelurahan dengan ibukota wilayahnya di kota Medan dengan luas 265 Km² dan jumlah penduduk seramai 2,083,156 orang.

Berdasarkan data yang telah dijelaskan diatas, sektor pertanian di Sumatera Utara kebanyakannya terkedudukan di daerah Deli Serdang, Langkat, Simalungun, Asahan, Labuhan Batu, Tapanuli Selatan dan Mandailing Natal. Dalam penelitian ini penulis memilih kabupaten Tapanuli Selatan dan kabupaten Mandailing Natal sebagai tempat penelitian zakat pertanian. Ini adalah kerana dua daerah ini termasuk daerah yang paling luas kawasan pertaniannya di Sumatera Utara dengan populasi penduduk majoritinya beragama Islam.

3.2.1 Kabupaten Tapanuli Selatan


Kabupaten Tapanuli Selatan secara geografi terkedudukan diantara 98 0 50'-1000 10' Bujur Timur Dan 0 0 10'-10 50' Lintang Utara. Kabupaten Tapanuli Selatan secara pentadbiran terdiri dari 20 kecamatan, dengan 1,232 desa dan 33 kelurahan. Luas wilayah Kabupaten Tapanuli Selatan adalah lebih kurang 12,261.55 Km², dengan jumlah penduduknya seramai 659,265 orang.

Kabupaten Tapanuli Selatan dikenal sebagai salah satu pembekal keperluan hasil pertanian, terutama pertanian tanaman asasi. Potensi pengembangan pertanian tanaman

makanan di kabupaten Tapanuli Selatan cukup besar, sehingga kabupaten ini mendapat penghargaan daripada pemerintah di bidang ketahanan makanan tahun 2004 mewakili Sumatera Utara. Hal ini kerana kawasan yang tersedia cukup luas. Tanah yang telah dimanfaatkan untuk pertanian tanaman padi sawah terdapat seluas 17,723 ha dengan jumlah pengeluaran sebesar 209,093 tan. Luas kawasan terbesar terdapat di kecamatan Angkola Timur (Padangsidempuan Timur) iaitu sebesar 7,678 ha dengan jumlah pengeluaran sebesar 42,997 tan. Sedangkan untuk tanaman padi ladang bagi tahun 2005 terdapat seluas 2,371 ha dengan jumlah pengeluaran sebesar 5,490 tan.

Untuk meningkatkan hasil pengeluaran tanaman padi sawah, maka kabupaten Tapanuli Selatan mengembangkan beberapa pengairan teknikal dan pengairan setengah teknikal untuk menyokong tanah pertanian. Di antaranya terdapat pengairan Batang Angkola. Kondisi tanah pertanian menurut jenis pengairannya dapat diuraikan dalam graf di bawah :

Graf 3.3: Luas tanah sawah berdasarkan jenis pengairannya



Sumber: BPS, Pemerintah Kabupaten Tapanuli Selatan

Tanaman Sayuran

Kedudukan geografi Tapanuli Selatan yang sebahagian besar wilayahnya berada pada daerah pegunungan, sangat berpotensi untuk dikembangkan sebagai pertanian tanaman makanan sayur sayuran. Hal ini dapat dilihat dari hasil pengeluaran tanaman sayur-sayuran di Kabupaten Tapanuli Selatan yang terus meningkat, seperti tanaman cabe dengan luas 1,253 ha dengan jumlah pengeluaran sebesar 6,468 tan. Tanaman ini banyak terdapat di kecamatan Sayurminggi dengan luas tanaman sekitar 310 ha dengan jumlah pengeluaran dengan luas tanaman sebesar 1,570 tan.

Tanaman buah-buahan

Kabupaten Tapanuli Selatan terkenal dengan buah salak, sehingga kota Padang sidempuan yang dulunya sebelum perluasan merupakan Ibukota Tapanuli Selatan digelar sebagai kota salak. Sehingga tahun 2005 luas kawasan tanaman salak di kabupaten Tapanuli Selatan terdapat sekitar 19,081 ha dengan jumlah pengeluaran sebesar 429,325 tan/tahun. Tanaman ini terdapat di kecamatan Angkola Barat, Angkola Selatan (Siais), Angkola Timur, Batang Toru dan kecamatan Marancar. Selain tanaman salak terdapat juga tanaman lain seperti buah oren yang terdapat di kecamatan Sipirok, Arse, SD.Hole, Angkola Timur, Siais dan kecamatan Batang Toru. Sehingga tahun 2005 luas kawasan tanaman ini terdapat sekitar 216 ha dengan jumlah pengeluaran sebesar 1,432 tan/tahun.

Tanaman ladang yang telah diusahakan masyarakat Tapanuli Selatan terdapat 15 jenis tanaman ladang iaitu; getah, kelapa sawit, kelapa, koko, kulit manis, nilam, buah keras, pinang, kapulaga, tembakau, cengkih, kemenyan dan halia.

3.2.2 Kabupaten Mandailing Natal

Kabupaten Mandailing Natal atau disebut juga dengan Madina berkedudukan di $0^{\circ}10'$ - $1^{\circ}50'$ Lintang Utara dan $98^{\circ}10'$ - $100^{\circ}10'$ Bujur Timur ketinggian 0 - 2.145 m di atas permukaan laut. Kabupaten Mandailing Natal mempunyai luas daerah sebesar 662,070 Ha atau 9.23 peratus dari wilayah Sumatera Utara. Wilayah yang terluas adalah Kecamatan Muara Batang Gadis 116.882 Ha (19.09%) dan terkecil iaitu kecamatan Muara Sipongi sebesar 22,930 Ha (3.75%).⁵ Daerah kabupaten Mandailing Natal secara geografi berkedudukan paling selatan dari wilayah Sumatera Utara dengan sempadan seperti berikut:

1. Sebelah Utara dengan kabupaten Tapanuli Selatan
2. Sebelah Selatan dengan wilayah Sumatera Barat
3. Sebelah Barat dengan samudera Indonesia
4. Sebelah Timur dengan wilayah Sumatera Barat

Kabupaten Mandailing Natal terkenal dengan tanah pertaniannya yang luas, majoriti penduduk Mandailing Natal adalah petani. Sekitar 62 peratus penduduk Mandailing Natal hidup dengan bertani dan sekitar 17 peratus hidup dari berladang. Hasil ekonomi terbesar kabupaten Mandailing Natal adalah dari pertanian, pada tahun 2002, sektor pertanian merangkumi 55.7 peratus dari jumlah nilai kegiatan ekonomi sebesar 1.68 trilion rupiah.

Berikut adalah data jenis, luas tanah dan hasil pertanian dari sektor tanaman

⁵ Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Mandailing Natal (BPPDKMN) (2002), *Mandailing Natal Dalam Angka (Mandailing Natal in Figures)*. Panyabungan: B.P.S.B.P.P, h. 3-4

makanan daerah kabupaten Mandailing Natal pada tahun 2007⁶:

Jadual 3.1: Luas tanah dan hasil pertanian dari sektor tanaman makanan

No	Jenis Tanaman	Luas Areal (Ha)	Pengeluaran (Tan)	Kecamatan Produsen Utama
1	Padi	46,619	171,521	- Siabu - Panyabungan - Panyabungan Utara
2	Jagung	1,409	3,876	- Batahan - Muara Batang Gadis - Natal
3	Kacang soya	523	764	- Batahan - Muara Batang Gadis - Natal
4	Kacang Tanah	637	952	- Kotanopan - Natal - Batahan
5	Kacang Hijau	362	393	- Natal - Muara Batang Gadis - Batahan
6	Ubi Kayu	278	3,088	- Natal - Lingga Bayu - Batahan
7	Ubi Jalar	154	1,268	- Natal - Lingga Bayu - Bukit Malintang
8	Kentang	35	697	- Ulu Pungkut - Muara Sipongi - Tambangan
9	Kacang Panjang	249	942	- Natal - Batahan - Lembah Sorik Marapi
10	Cili Merah	383	1,647	- Natal - Lembah Sorik Marapi - Batahan
11	Timun	152	2,098	- Natal - Bukit Malintang - Lembah Sorik Marapi

Sumber: Pemerintah kabupaten Mandailing Natal

⁶ Pemerintah Kabupaten Mandailing Natal, <http://www.madina.go.id/index.php?option=com>, 15 Desember 2010

Tanaman ladang yang telah diusahakan oleh penduduk Mandailing Natal ialah kulit manis, kelapa, getah, kelapa sawit, kakao, kopi dan aren. Berikut adalah data jenis tanaman, luas tanah dan hasil pengeluaran kabupaten Mandailing Natal pada tahun 2007⁷:

Jadual 3.2: Jenis tanaman, luas tanah dan hasil pengeluaran

No	Jenis Tanaman	Luas Areal (Ha)	Pengeluaran (Tan)	Kecamatan Penghasil Utama
1.	Kelapa Sawit	14,076	176,354	- Batahan - Natal - Muara Bt. Gadis
2.	Getah (Havea Brasiliensis)	70,901	34,689	- Panyabungan - Batang Natal - Muara Bt Gadis
3	Koko (Theobroma Cacao)	4,298	2,360	- Lingga Bayu - Batang Natal - Natal
4.	Kulit Manis (Cassia)	2,613	1,986	- Kotanopan - Batang Natal - Tambangan
5.	Kelapa (Cocos Nucifera)	2,634	1,195	- Siabu - Natal - Panyabungan
6.	Kopi Robusta (Coffea SP)	2,628	973	- Kotanopan - Muarasipongi - Ulu Pungkut
7.	Aren (Arenga Pinata)	576	589	

Sumber: Pemerintah Kabupaten Mandailing Natal

⁷ *Ibid.*,

3.3 Peraturan dan Undang-undang Zakat

Dalam pelaksanaan zakat perlu adanya penguatkuasaan undang-undang sehingga pelaksanaan zakat dapat dikawal dan mempunyai landasan undang-undang. Kerana pelaksanaan zakat merupakan kewajipan pemerintah untuk mengutip dan mentadbir zakat sebagaimana dalam konsep pelaksanaan zakat di dalam al-Quran surah al-Taubah ayat 103 yang bermaksud:

” Ambillah sebahagian daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) dengan itu kamu membersihkan harta mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak buruk)”

Menurut riwayat Ibnu Jarir bahawa Abu Lubabah dan kawan-kawannya yang mengikatkan diri di tiang-tiang mesjid datang kepada Rasulullah s.a.w. seraya berkata: "Ya Rasulullah, inilah harta benda kami yang menghalangi kami untuk ikut berperang. Ambillah harta itu dan agihkanlah, serta mohonkanlah ampun untuk kami atas kesalahan kami." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Aku belum diperintahkan untuk menerima hartamu itu." Maka turunlah ayat ini. Perintah Allah s.w.t. pada permulaan ayat ini ditujukan kepada Rasul-Nya, iaitu agar Rasulullah s.a.w. mengambil sebahagian dari harta benda mereka itu sebagai sedekah atau zakat untuk menjadi bukti tentang benarnya taubat mereka, kerana sedekah atau zakat tersebut akan membersihkan diri mereka dari dosa yang timbul kerana keengganan mereka dari berperang dan untuk mensucikan diri mereka dari sifat cinta harta.

Walaupun perintah Allah s.w.t. di dalam ayat ini adalah untuk Rasulullah s.a.w. akan tetapi ianya juga ditujukan kepada pemimpin atau penguasa masyarakat kaum muslimin untuk melaksanakan perintah Allah dalam masalah zakat ini iaitu mengambil zakat daripada harta kaum muslimin dan mengagihkannya untuk kemaslahatan dan

kesejahteraan kaum muslimin.

Begitu juga pada masa Khalifah Abu Bakr *as-Siddiq*, beliau memerintahkan untuk memerangi orang-orang yang enggan untuk membayar zakat. Abu Bakr berkata “ Aku akan memerangi orang yang memisahkan antara kewajiban solat dan zakat.”⁸

Berdasarkan dalil dan hujah di atas pelaksanaan zakat adalah merupakan kewajiban penguasa kaum muslimin pada setiap masa dan zaman. Maka perlu dikuatkuasakan undang-undang yang mengatur permasatanah zakat agar dapat terlaksana sesuai dengan tuntutan syariat.

Undang-undang zakat telah dikuatkuasakan pada tahun 1999 no 38 tentang pengelolaan zakat. Dalam Bab 3 tentang organisasi pengelolaan zakat ayat satu menerangkan bahawa pengelolaan zakat dilakukan oleh badan amil zakat yang dibentuk oleh pemerintah. Berdasarkan undang-undang ini maka dibentuklah badan amil zakat disetiap daerah iaitu di tingkat nasional atas usulan menteri ditingkat wilayah oleh gubernur ditingkat kabupaten oleh bupati dan ditingkat kecamatan oleh camat.

Pada Bab 4 di atur mengenai pengumpulan zakat, pasal 11 ayat 1 menyebutkan bahawa zakat terdiri dari zakat mal dan zakat fitrah, ayat 2 menyebutkan harta yang dikenai zakat adalah:

- a. Emas, perak dan wang
- b. Perdagangan dan syarikat
- c. Hasil pertanian, perladangan dan perikanan

⁸ Al-Qurṭubī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad (2006), *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān*, j. 10 Lubnan: Muassasah al-Risalah. H. 357

- d. Hasil pertambangan
- e. Hasil peternakan
- f. Hasil pendapatan dan jasa
- g. Rikaz

Untuk mengatur dan menjelaskan undang-undang ini kementerian agama mengeluarkan surat keputusan no 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan undang-undang no. 38 tahun 1999. Keputusan ini berisikan tentang susunan organisasi dan gerak kerja badan amil zakat. Pada Bab 2 pasal 2 dijelaskan bahwa badan amil zakat terdiri dari Badan Amil Zakat Nasional dan Badan Amil Zakat Daerah.

Kemudian pada tahun 2011 dikeluarkan undang-undang no 23 tahun 2011 tentang pengelolaan zakat. Undang-undang ini merupakan pembaharuan kepada undang-undang no 38 tahun 1999 tentang pengelolaan zakat.

Seterusnya dalam rancangan Undang-Undang Kementerian Agama tahun 2011 paragraf 3 pasal 4 mengenai zakat tumbuh-tumbuhan dijelaskan bahwa:

1. Jenis tumbuh-tumbuhan yang wajib dizakati adalah padi, biji-bijian, tanaman hias dan buah-buahan.
2. Nisab dan kadar zakat tumbuh-tumbuhan adalah:
 - a. Nisab zakat tumbuh-tumbuhan dan biji-bijian adalah 5 wasaq atau 1.304 kg sebelum dibersihkan dan 652 kg setelah dibersihkan.
 - b. Kadar zakat tumbuh-tumbuhan dan biji-bijian adalah 10 % jika disirami oleh air hujan dan 5 % jika disirami sendiri setelah dituai.

3.4 Pentadbiran Zakat di Sumatera Utara

Amalan mengeluarkan zakat telah berjalan sejak dahulu sebelum terbentuknya badan zakat di Sumatera Utara. Kebanyakan masyarakat Sumatera Utara terutama yang tinggal di kawasan desa dan sebahagian masyarakat bandar membayar zakat kepada *mustahik* zakat secara langsung. Mereka menilai pembayaran zakat kepada *mustahik* zakat secara langsung tanpa melalui amil zakat adalah lebih selamat. Hal ini adalah kerana menurut mereka, lembaga zakat yang ada kurang dipercayai dan kurang jelas dalam penyaluran zakat. Sehingga petani yang kebanyakannya tinggal di kawasan desa memilih membayarkan zakat pertanian mereka kepada orang yang layak menurut mereka menerima zakat. Dalam hal ini kebanyakan daripada petani menjelaskan zakat pertanian kepada orang perseorangan, saudara mara, fakir miskin dan sebagainya.

3.4.1 Badan Amil Zakat Daerah Sumatera Utara (BAZDASU)

Badan Amil Zakat di Sumatera utara telah ditubuhkan pada tahun 2002. Semasa ia mula ditubuhkan badan zakat Sumatera Utara dikenali sebagai Badan Amil Zakat, Infaq dan Sedekah (BAZIS) yang diasaskan berdasarkan surat keputusan bersama Menteri Dalam Negeri dan Menteri Agama Republik Indonesia no 29 tahun 1991/47 tahun 1991, pada 19 mac 1991. Isi kandungan surat itu adalah tentang pembinaan Bazis dan petunjuk pelaksanaannya.⁹ Kemudian pada tahun 2001 Bazis bertukar nama menjadi Badan Amil Zakat (BAZ) berdasarkan undang-undang nombor 38 tahun 1999 dan Surat Keputusan Gabenor Sumatera Utara Nombor : 415.7.05/5362/K pada 23 April 2001.

⁹ Dirjen Bimas dan Urusan Haji (1992), h. 9.

Badan Amil Zakat Daerah Sumatera Utara (BAZDASU) terletak di ibukota wilayah Sumatera Utara iaitu Medan. Pejabat Bazdasu terletak berhampiran dengan Hospital Haji Medan. Sehingga bentuk kegiatan pelaksanaan zakat hanya tertumpu disekitar wilayah Medan dan sekitarnya sahaja dan tidak sampai ke daerah lain. Oleh sebab itu terbentuklah Badan Amil Zakat Daerah Kabupaten/Kota berdasarkan undang undang yang dikeluarkan oleh Direktur Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Urusan Haji (Dirjen Bimas Islam) nombor D-291 tahun 2000 tentang panduan teknikal pengelolaan zakat.¹⁰

Kegiatan utama badan ini adalah untuk membantu pihak kerajaan menangani masalah sosial, misalnya, memberikan bantuan kewangan kepada masyarakat miskin yang memerlukan bantuan. Bantuan kewangan yang juga diberikan kepada pihak-pihak yang memerlukan seperti, anak-anak yatim, muslim yang telah lanjut usia, orang yang sakit, orang yang sedang musafir dan telah kehabisan wang serta orang yang mempunyai hutang. Pada tahun 2010 ini Badan Amil Zakat Daerah Sumatera Utara (BAZDASU) memberikan elaun tetap setiap bulan antara lain kepada orang kurang upaya sebanyak 121 orang, anak yatim miskin 216 orang.

Orang muslim yang masih lemah kemampuan ekonomi dan lemah aqidahnya, mereka mendapat perhatian serius daripada BAZDASU ini. BAZDASU ini juga telah menempatkan para pendakwah di daerah-daerah yang minoriti penduduknya orang muslim. Hingga tahun 2010 ini BAZDASU telah berjaya menghantar pendakwah seramai 79 orang dan memberikan bantuan kewangan kepada mereka di desa desa terpencil tempat mereka bertugas di Sumatera Utara.

¹⁰ Dirjen Bimas dan Urusan haji (2000), h. 3.

Kutipan zakat yang telah dilaksanakan oleh BAZDASU selama ini ialah daripada zakat penghasilan/produktif kaki tangan kerajaan daerah Sumatera Utara, zakat sebahagian Badan Usaha Milik Negara (BUMN), zakat fitrah dan harta dari *aghniya'* daerah Sumatera Utara dan zakat, infak, sedekah lainnya yang diperolehi dari beberapa institusi/syarikat ataupun orang perseorangan. Selain daripada itu BAZDASU juga menerima kutipan infaq dan sedekah daripada orang perseorangan maupun institusi kerajaan dan swasta. Mulai Januari tahun 2011 kakitangan pemerintah muslim di jajaran Pemerintah Wilayah Sumatera Utara diwajibkan untuk mengeluarkan infaq bulanan iaitu golongan I Rp.5000, golongan II Rp.10,000, golongan III Rp.15,000, dan golongan IV Rp.20,000. Hal ini berdasarkan surat Gabenor Sumatera Utara nombor 451/10546 tarikh 29 Oktober 2010 yang ditanda tangani oleh Gabenor Sumatera utara H.Syamsul Arifin. SE tentang gerakan sedar zakat di kalangan kakitangan kerajaan wilayah Sumatera Utara.¹¹

Sementara untuk kutipan zakat pertanian, BAZDASU tidak menerima sebarang kutipan zakat pertanian daripada petani Sumatera Utara. Hal ini disebabkan kerana sampai saat ini BAZDASU belum ada membuat program ataupun panduan tentang zakat pertanian kerana telah dibentuk badan amil zakat daerah setingkat kabupaten dan juga lembaga zakat yang tersebar diseluruh wilayah Sumatera Utara yang boleh mengutip zakat pertanian daripada petani. Sedangkan kutipan yang telah dibuat oleh BAZDASU sendiri tidak diketahui sama ada daripada zakat pertanian ataupun bukan, kerana tidak ada rekod yang menjelaskan tentang bentuk zakat yang dibayarkan oleh *muzakki*.

¹¹ Syuaibun, Setiausaha Bazda Sumatera Utara, Temu bual pada 23 Januari 2011, tempat pejabat Bazda Sumut pukul 10.30 am.

Hal ini kerana setiap *muzakki* yang hendak menyalurkan zakatnya melalui BAZDASU maka *muzakki* terbabit terus memasukkan zakatnya kedalam akaun BAZDASU ataupun langsung datang ke pejabat dan menyalurkan zakatnya tanpa ada sebarang rekod yang jelas tentang jenis zakat yang disalurkan.¹²

3.4.2 Badan Amil Zakat Daerah Tapanuli Selatan

Badan Amil Zakat Daerah Sumatera Utara juga mempunyai cawangan di beberapa daerah kabupaten yang tersebar di wilayah Sumatera Utara. Diantaranya ialah Badan Amil Zakat Daerah Tapanuli Selatan (Bazda Tapsel) dan Badan Amil Zakat Daerah Mandailing Natal (Bazda Madina) dan Badan Amil Zakat Daerah Padang Sidempuan (Bazda PSP). Akan tetapi hubungan antara cawangan ini dengan Bazda SUMUT hanyalah bersifat bimbingan sahaja kerana masing-masing cawangan ini dibentuk oleh pemerintah daerah masing-masing.

Badan Amil Zakat Daerah Tapanuli Selatan (Bazda Tapsel) ditubuhkan pada tahun 2002 berdasarkan surat keputusan Bupati Pemerintah Daerah Tapanuli Selatan. Pertama sekali ianya ditubuhkan dengan diketuai langsung oleh Sekretaris Daerah (Sekda) Tapanuli Selatan kemudian pada tahun 2008 hingga sekarang Bazda Tapsel diketuai oleh H.Amsir Soleh Siregar yang juga merangkap sebagai Ketua Majelis Ulama Indonesia daerah Tapanuli Selatan.

Kutipan zakat yang telah dilaksanakan oleh Bazda Tapsel selama ini adalah daripada zakat profesi/penghasilan di kalangan kaki tangan kerajaan Pemerintah Daerah Tapanuli Selatan. Sampai sekarang zakat yang berhasil dikutip adalah daripada kaki tangan

¹² *Ibid.*,

kerajaan bidang Pekerjaan Umum, Kementerian Agama, Dinas Kehutanan, Badan Umum Daerah dan Badan Pelaksana Daerah. Selain daripada itu Bazda Tapsel juga menerima zakat, infaq dan sedekah daripada orang perseorangan.

Bazda Tapsel telah menyalurkan kutipan zakat dalam bentuk konsumtif dan produktif. Bantuan kewangan diberikan kepada pihak-pihak yang memerlukan seperti; fakir miskin, anak-anak yatim, muslim yang telah lanjut usia dan bantuan pendidikan. Untuk penyaluran produktif Bazda Tapsel mengelola kolam ikan, ternakan kambing yang terletak di 12 kecamatan dan juga memberikan modal kepada pengusaha mikro untuk memulakan usaha ataupun mengembangkannya berdasarkan asas qord hasan.

Kutipan zakat yang telah dilakukan oleh Bazda Tapsel sampai saat ini ialah daripada zakat pendapatan sahaja. Untuk zakat pertanian Bazda Tapsel belum menerima sebarang kutipan zakat pertanian daripada petani di daerah Tapanuli Selatan. Sehingga tiada sebarang data tentang kutipan zakat pertanian yang penulis perolehi daripada Bazda Tapsel. Penjelasan tentang kewajipan dan pembayaran zakat pertanian telah dilakukan oleh Majelis Ulama Indonesia kepada masyarakat Tapanuli Selatan. Akan tetapi majoriti petani Tapanuli Selatan lebih cenderung untuk membayarkan zakat pertanian secara langsung kepada orang perseorangan bukan kepada institusi seperti institusi zakat.¹³

3.4.3 Badan Amil Zakat Daerah Padang Sidempuan (BAZDA PSP)

Badan Amil Zakat Padang Sidempuan (Bazda PSP) ditubuhkan pada bulan Mei tahun 2009. Bazda PSP dibentuk oleh Walikota Padang sidempuan yang bertujuan untuk

¹³ Amsir Soleh Siregar, Ketua Bazda Tapanuli Selatan, Temu bual pada 12 januari 2011, tempat rumah Amsir Soleh di jalan Mawar Padang Sidempuan, pukul 8.30 pm.

meringankan dan mengembangkan ekonomi masyarakat Padang Sidempuan khususnya. Pejabat Bazda PSP terkedudukan di Masjid Raya Padang Sidempuan dan diketuai langsung oleh Walikota Padang Sidempuan sebagai Dewan Pertimbangan.

Kutipan zakat yang telah dilaksanakan oleh Bazda PSP adalah daripada zakat pendapatan/profesi di kalangan kaki tangan Pemerintah Daerah Padang Sidempuan. Sampai saat ini Bazda PSP belum menerima zakat pendapatan daripada seluruh kaki tangan Pemda PSP secara keseluruhan, hanya beberapa bahagian sahaja yang baru membayar zakat. Diantaranya iaitu Dinas Pendidikan, Sekretaris walikota, Dinas Kesehatan, Dinas Pendapatan, Departemen Agama Badan Pembangunan Masyarakat, Badan Ketahanan Makanan, Inspektorat, Dinas KB, Dinas Pembangunan Umum Daerah, Dinas Koperasi, Inspektorat dan beberapa pejabat Kecamatan.

Bazda Padang Sidempuan juga menerima zakat, infaq dan sedekah daripada kalangan swasta ataupun individu. Akan tetapi data tersebut tidak dapat diperolehi disebabkan para pembayar zakat langsung membayarkan zakatnya dengan memasukkan dana zakat kedalam akaun Bazda Padang Sidempuan.

Adapun untuk kutipan zakat pertanian Bazda Padang Sidempuan belum menerima sebarang pembayaran zakat pertanian secara langsung oleh petani. Sehingga penulis tidak mendapati sebarang data pembayaran zakat pertanian daripada Bazda Padang Sidempuan. Kerana majoriti petani di daerah Padang Sidempuan membayarkan zakat pertaniannya secara langsung kepada *mustahik* zakat atau yang dianggap mereka berhak menerima zakat.

Untuk penyaluran dana zakat, Bazda Padang Sidempuan mengagihkan dana zakat secara konsumtif kepada para *mustahik* zakat. Sampai saat ini dana zakat yang telah di dapat diagihkan kepada fakir miskin, anak-anak yatim, guru-guru serta untuk perbaikan masjid.¹⁴

3.4.4 Badan Amil Zakat Daerah Mandailing Natal

Badan Amil Zakat Daerah Mandailing Natal (Bazda Madina) mulai ditubuhkan pada tahun 2008. Bazda Madina dibentuk oleh Bupati Kabupaten Mandailing Natal H. Amru Daulay untuk meningkatkan kesedaran zakat dikalangan kaki tangan Pemerintah Daerah Mandailing Natal dan bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan . Pejabat Bazda Mandailing Natal terkedudukan di bangunan pejabat kementerian agama Panyabungan.

Kutipan zakat yang telah dilakukan oleh Bazda Mandailing Natal adalah daripada zakat pendapatan/profesi kaki tangan Pemerintah Daerah Mandailing Natal. Disamping itu juga Bazda Mandailing Natal menerima zakat, infaq ataupun sedekah daripada swasta ataupun perorangan. Sedangkan untuk kutipan zakat pertanian Bazda Mandailing Natal tidak menerima sebarang pembayaran zakat pertanian daripada petani di daerah Mandailing Natal. Hal ini disebabkan kerana para petani di Mandailing Natal lebih suka membayarkan zakat pertanian mereka secara langsung kepada *mustahik* zakat ataupun orang yang dianggap berhak menerima zakat.

¹⁴ Risman Batubara, setiausaha Bazda Padang Sidempuan, Temu bual pada 18 Januari 2011, tempat pejabat Bazda Padang Sidempuan, pukul 11.00 am.

Untuk agihan zakat yang telah diperoleh, Bazda Mandailing Natal telah mengagihkannya kepada fakir miskin, anak-anak yatim, bantuan pendidikan dan juga korban bencana alam. Pada bulan Agustus 2010 Bazda Mandailing Natal telah mengagihkan dana Zakat, infaq dan sedekah kepada 600 orang *mustahik* zakat di daerah Mandailing Natal secara tunai langsung.¹⁵ (temu bual pada 20 Januari dengan Ikhwan Siddiki)

3.5 Kesimpulan

Berdasarkan data yang ada di daerah Sumatera Utara khususnya Kabupaten Tapanuli Selatan, Kabupaten Mandailing Natal dan Kotamadya Padang Sidempuan di dapati bahawa banyak sekali hasil pertanian yang ada di Sumatera Utara dengan pelbagai jenis pertaniannya. Potensi ini jika benar-benar di susun dalam pelaksanaan zakat pertanian ia dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan dapat mengembangkan ekonomi masyarakat Sumatera Utara.

Akan tetapi berdasarkan data yang penulis perolehi daripada institusi zakat di Sumatera Utara iaitu daripada Bazda Sumatera Utara, Bazda Tapanuli Selatan, Bazda Padang Sidempuan dan Bazda Mandailing Natal tidak didapati data mengenai pembayaran zakat kepada institusi-institusi tersebut. Ini menunjukkan bahawa pembayaran zakat pertanian di Sumatera Utara belum terlaksana secara tersusun, sehingga pengagihan zakat pertaniannya pun tidak dapat dilaksanakan secara merata dan menyeluruh. Kerana

¹⁵ Ikhwan Siddiki, Setiausaha Bazda Mandailing Natal, Temu bual pada 20 Januari 2011, tempat pejabat Kementerian Agama Kabupaten Mandailing Natal, pukul 10.00 am.

kebanyakan petani membayar zakat pertanian mereka secara langsung kepada individu yang dirasakan berhak menerima zakat.